



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
Bahagian Sumber Manusia
Aras 9 & 10, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000
Web : www.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.S.500-2/58/17 JLD.4 (16)
Tarikh : 24 Jun 2024

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN PEMANGKUAN BAGI SKIM PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) GRED N26 KE GRED N28 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM).

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi skim **Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N26 ke Gred N28**. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan adalah dimohon untuk mengemukakan permohonan pegawai yang layak untuk dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- (a) telah disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) **telah berkhidmat di Gred N26 sebelum atau pada 31 Disember 2018;**
- (c) **tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat pegawai di Gred N26 berubah ke tarikh 01 Januari 2019** dan seterusnya disebabkan faktor-faktor berikut:
 - i. semua jenis cuti yang tidak dibayar gaji atau dibayar separuh gaji kecuali Cuti Belajar Separuh Gaji atau Cuti Belajar Tanpa Gaji yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan;
 - ii. pegawai yang pernah dilantik ke jawatan dalam skim lain tetapi kemudiannya kembali ke skim perkhidmatan terdahulunya;
 - iii. tidak hadir bertugas (THB) tanpa cuti, tanpa kebenaran atau tanpa sebab munasabah; dan
 - iv. terlebih mengambil Cuti Rehat yang berkelebihan.

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT NO : QMS 03659



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT NO : QMS 03659

- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;
- (e) mencapai tahap prestasi perkhidmatan yang ditetapkan (LNPT 2021, 2022 dan 2023);
- (f) bebas daripada tindakan dan hukuman tatatertib;
- (g) telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang ditetapkan (dalam 5 tahun terkini);
- (h) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- (i) bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar oleh institusi pinjaman pendidikan.

3. Calon yang layak memohon hendaklah mengemukakan permohonan dengan menggunakan **Borang NPS(M) 1/2015 Pindaan 2023** dan dikemukakan lengkap dengan satu (1) salinan dokumen sebagaimana senarai semak di **Lampiran A**. Unjuran kekosongan jawatan di zon Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada tarikh iklan dibuka adalah seperti di **Lampiran B**.

4. Calon yang memohon juga hendaklah **bersedia dan sanggup menerima pertukaran sekiranya berjaya ditawarkan pemangkuan** untuk mengisi kekosongan semasa di negeri yang berkenaan. Berdasarkan **Perkara 36 dalam MyPPSM UP.3.1.1**, Lembaga Kenaikan Pangkat (LKP) boleh mengenakan **penalti** kepada pegawai yang **menolak tawaran pemangkuan** dengan **tidak menimbangkan pemangkuan** pegawai tersebut bagi tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh surat penolakan / tarikh melaporkan diri yang ditetapkan **atau satu urusan, yang mana terkemudian**.

5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan pemangkuan ini adalah pada **2 Ogos 2024 (Jumaat)**. Surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan pemangkuan ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



6. Semua dokumen permohonan bagi urusan pemangkuan ini hendaklah dihantar ke alamat di bawah:

Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W. P. PUTRAJAYA
(u.p.: Cik Melissa Martha Jimmy)

7. Sukacita diingatkan dalam pertimbangan sesuatu urusan pemangkuan, adalah menjadi tanggungjawab pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, perkara ini telah mendapat perhatian serius daripada LKP I KKM yang memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangkuan/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

8. Dimaklumkan juga bahawa calon yang mempunyai rekod THB atau cuti rehat melebihi kelayakan tetapi belum diambil tindakan atau dijatuhkan hukuman tatatertib adalah layak dipertimbangkan pemangkuan sekiranya memenuhi kelayakan dan syarat-syarat yang dinyatakan di perenggan 2. Walau bagaimanapun, **Ketua Jabatan bertanggungjawab** untuk memastikan **tindakan tatatertib dilaksanakan dengan segera** supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

9. Pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan dimohon untuk **menghebahkan** perkara ini kepada semua pegawai yang berkenaan dan memastikan **hanya permohonan daripada calon yang memenuhi syarat** sahaja dikemukakan ke Bahagian ini. Selain itu, semua maklumat yang dikemukakan hendaklah disemak dan disahkan tepat berdasarkan Buku Rekod Perkhidmatan pegawai yang terkini. **Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **lewat diterima atau tidak lengkap** dengan dokumen yang diperlukan **tidak akan diproses**.

10. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(RAJA SURIATI BINTI RAJA SULAIMAN)

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.: - SUB (SM)
- TSUB (NPP)
- KPSUK (PP)

SENARAI EDARAN:

- Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan Mohon panjangkan ke
semua Bahagian/Jabatan di
IPKKM
- Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan Mohon panjangkan ke
semua ILKKM
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
- Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
- Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

SENARAI EDARAN

- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah
Hospital Tunku Azizah
- Pengarah
Institut Perubatan Respiratori
- Pengurus
Institut Kesihatan Negara (NIH)
- Pengarah
Institut Kanser Negara
- Pengarah
Pusat Darah Negara
- Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
- Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)
- Pengarah
Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

LAMPIRAN A**SENARAI SEMAK (CHECKLIST) BAGI URUSAN PEMANGKUAN JAWATAN KUMPULAN PELAKSANA, KKM**

Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

	ADA	/	TIADA
1. Borang NPS(M) 1/2015 Pindaan 2023	☐		☐
 NPS(M)1/2015.2023			
2. Borang PP-1	☐		☐
3. Salinan Buku Rekod Perkhidmatan yang telah dikemas kini dan lengkap	☐		☐
4. Salinan kelulusan tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	☐		☐
5. Salinan surat telah melaksana pengisytiharan harta (5 tahun terkini)	☐		☐
6. Lampiran 1 – Pengesahan Markah LNPT (2021 – 2023) (Sila sertakan salinan LNPT 3 tahun terakhir bagi mukasurat pertama yang memaparkan nama/maklumat pegawai dan muka surat yang mengandungi jumlah markah keseluruhan LNPT sahaja)	☐		☐

LAMPIRAN B

**MAKLUMAT UNJURAN KEKOSONGAN
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) GRED N28
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Sehingga 31 Disember 2025)**

BIL.	ZON	KEKOSONGAN
1.	SEMENANJUNG	2
2.	SARAWAK	2
3.	SABAH DAN W.P. LABUAN	0
JUMLAH		4

* Maklumat di atas adalah berdasarkan unjuran sahaja dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN 1

**PENGESAHAN MARKAH LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)
BAGI TAHUN 2021, 2022 DAN 2023
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) GRED N26 KE GRED N28**

BIL.	NAMA PEGAWAI	NO. KAD PENGENALAN	LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN		
			2021	2022	2023
1.					

Disediakan oleh :

Disahkan oleh :

.....

.....

Nama :

Nama :

Jawatan :

Jawatan :

Tarikh :

Tarikh :

